

Surat khabar: Utusan Malaysia ( Sabah &amp; Sarawak )

Hari/Tarikh: 28/9/2013

Muka surat: 35 (S2)

Tajuk : Perpustakaan Perlu Jalani Transformasi Luaskan Peranan Kepada Masyarakat.



**MOHAMAD** Kadim Suaidi (tengah) bersama Margaret Simeng (kiri) melawat galeri foto di Unimas pada Seminar *Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke Arah Pembudayaan Ilmu* di Kota Samarahan, Sarawak, semalam.

## Perpustakaan perlu jalani transformasi luaskan peranan kepada masyarakat

KOTA SAMARAHAN 27 Sept. - Perpustakaan perlu menjalani transformasi dalam meluaskan perannya dengan membudayakan ilmu dan menyemai rasa cinta terhadap pengetahuan dalam kalangan masyarakat.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, peranan tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah kerana perpustakaan harus menjalin hubungan harmoni dengan masyarakat secara utuh dan menyeluruh.

Beliau berkata, perpustakaan memerlukan masyarakat sebagai pelanggan tetap yang memanfaatkan pelbagai perkhidmatan manakala masyarakat pula memerlukan maklumat yang dikemas kini dan tepat dalam kemudahan yang ditawarkan perpustakaan.

"Bagi mencapai peranan tersebut, maklumat dan komunikasi yang berkesan melalui kemajuan teknologi berupaya melebarkan

capaian antara perpustakaan dengan masyarakat.

"Memasyarakatkan perpustakaan bertujuan membangkitkan minat terhadap ilmu dalam kalangan rakyat misalnya budaya bertutur, oral dan lisan yang berkembang menjadi budaya membaca serta menulis," katanya.

Beliau berucap demikian dalam Seminar *Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke Arah Pembudayaan Ilmu* di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik Unimas di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Unimas, Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman; Ketua Pustakawan Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkap Pengerusi Persidangan Ketua Pustakawan Universiti dan Perpustakaan Negara (Perpun), Amir Hussain Md. Ishak dan Ketua Pustakawan Unimas, Margaret Simeng.

Mengulas lanjut, Mohamad Ka-

dim berkata, minat terhadap ilmu dan maklumat dapat dipupuk walaupun setiap individu itu mempunyai minat yang berbeza dalam pencarian ilmu pengetahuan.

Dalam hal tersebut katanya, perpustakaan perlu mempromosi dan menerbitkan maklumat kepada masyarakat agar dapat membantu serta memberi nilai tambah dalam penyebaran ilmu pengetahuan dengan lebih meluas.

"Langkah tersebut dapat membantu perpustakaan untuk bergerak seiring dengan keperluan masyarakat yang sentiasa berdepan dan adakalanya terbeban dengan kebanjiran maklumat.

"Sudah tentu itu menjadi cabaran kepada pengurus perpustakaan dalam mengubah suasana perpustakaan sebagai lokasi menimba ilmu dan tempat rekreasi yang menyenangkan bagi mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat," katanya.